

ANALISIS KESOPANAN BAHASA DALAM NOVEL *MELUNAS RINDU*: APLIKASI MAKSIM LEECH DAN GRICE

*(Linguistic Politeness in the Novel Melunas Rindu: An
Application of the Maxims of Leech and Grice)*

Sara Beden

sra7109@yahoo.com.my

Indirawati Zahid

indirawati@um.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu,
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel.: +603-79677224

Abstrak

Makalah ini membincangkan kesopanan bahasa yang dipaparkan dalam novel *Melunas Rindu*, iaitu komponen sastera (Komsas) untuk para pelajar Tingkatan 4 di Zon 4 (negeri Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Kajian ditumpukan pada dialog watak utama dan watak sampingan dalam Bab 5 novel ini. Dialog yang menjadi data kajian dianalisis berdasarkan model kesopanan Leech dan model kesopanan Grice. Kedua-dua model ini mengemukakan maksim kesopanan yang perlu dipatuhi bagi mewujudkan situasi bebas konflik. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, analisis teks dan kuantitatif. Berdasarkan pengklasifikasian dan analisis yang dilakukan, dapatan kajian memperlihatkan hanya empat daripada enam maksim Leech dan dua maksim Grice yang dipatuhi. Novel ini memaparkan kesopanan bahasa yang dominan berdasarkan paparan analisis kesopanan maksim Leech dan Grice yang sekali gus menggambarkan sosiobudaya Melayu.

Kata kunci: Komsas, prinsip kesopanan, prinsip kerjasama, sosiobudaya, pola maksim, pola kombinasi maksim, maksim kebijaksanaan, leksikal

Abstract

This article discusses linguistic politeness in Melunas Rindu, a text in the literature component (Komsas) for Form 4 students in Zone 4 (Johor, Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan). Politeness is an essential aspect in life and it is a socio-cultural element in society. The dialogue of the main and supporting characters in Chapter 5 of this novel was analysed. The politeness models of Grice and Leech were applied in the analysis. Both models present maxims of politeness which have to be observed in order to create conflict-free situations. The methodology employed in this research includes library research, text analysis and quantitative analysis. Based on the classifications and the analysis, the findings show only four out of six of Leech's maxims, and two out of four of Grice's are observed. This study reveals which are the dominant forms of linguistic politeness (according to the models of Grice and Leech) found in this novel, that at once also reflect Malay socio-culture.

Keywords: Komsas, politeness principle, co-operative principle, socio-culture, pattern of maxims, combinations of maxims, tact maxim, lexical

PENDAHULUAN

Kesopanan atau kesantunan berbahasa merujuk penggunaan bahasa yang sopan, halus, enak didengar, beradab dan penuh penghormatan semasa berhubung dengan orang lain. Kesopanan berbahasa terpancar melalui tatacara berbahasa yang akur pada norma budaya yang dipraktikkan oleh masyarakat. Apabila tatacara berbahasa tidak sesuai dan menyalahi norma dalam masyarakat, maka seseorang itu dianggap ego, sombong, tidak beradab dan tidak berbudaya. Budaya berbahasa yang sopan, teratur, jelas dan sentiasa mengelak daripada menyinggung perasaan orang lain sepatutnya melatari kehidupan bermasyarakat.

Asmah (1996:88), menjelaskan kesantunan atau kesopanan sebagai penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pihak pendengar. Beliau menyenaraikan beberapa kendala yang perlu dipatuhi dalam menjaga

kesantunan ketika bertutur. Kesantunan yang betul adalah dengan memberikan perhatian terhadap peranan sosial pemeran, latar, judul percakapan, dan menyesuaikan peraturan pertuturan dengan keadaan sebenar. Teo Kok Siong (2003 :15) memperkatakan hal yang sama bahawa kesantunan berbahasa atau kesopanan merujuk bentuk bahasa seperti kata, frasa, ayat atau penggunaan bahasa seperti cakap secara berkias atau berlapik yang memperlihatkan kesopanan terhadap orang yang diajak bercakap agar dianggap berbudi bahasa. Tenas Effendy (2011:5) dalam karyanya *Kesantunan dan Semangat Melayu* memerihalkan kesopanan atau kesantunan sebagai perilaku yang “tahu diri” atau “sedar diri”, yakni perilaku yang mencerminkan kearifan dan kebijaksanaan dalam menilai dan mengukur kemampuan diri agar dapat menempatkan dirinya secara baik dan benar dalam kehidupan berumahtangga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Indirawati (2010:12) menyatakan bahawa bahasa halus sebagai gambaran kesopanan dengan pelbagai cara sama ada melalui pemilihan perkataan, penggunaan ungkapan, dan kata sapaan yang tepat dan bersesuaian dengan konteks, prosodi yang betul dan kinesik yang mematuhi norma dalam sesuatu masyarakat penutur. Beliau berpendapat bahawa pemilihan kata perlu dilakukan dengan tepat agar dapat membentuk ungkapan yang bersopan santun selain mencapai objektif komunikasi.

Berdasarkan pandangan tersebut dapat disimpulkan bahawa kesopanan merupakan penggunaan bahasa yang berlapik, halus, berhemah, mengambil kira jarak sosial antara penutur dan pendengar dengan tidak mengesampingkan perbezaan peranan, dan budaya selain menggunakan kebijaksanaan dalam pemilihan kata agar dapat memancarkan kesopanan. Hal ini termasuklah usaha untuk menjaga atau menyelamatkan air muka semasa berkomunikasi agar tidak ada pihak yang tersinggung atau berkecil hati, sebaliknya semua pihak mendapat kebaikan atau manfaat.

Kesopanan berbahasa bukan sahaja dititikberatkan secara lisan malahan dalam bentuk tulisan seperti karya sastera. Karya sastera yang bermutu tidak akan mengesampingkan aspek sosiobudaya masyarakat yang dimanifestasikan melalui kesopanan berbahasa dan kehalusan budi pekerti. Tambahan pula, sesebuah karya sastera merupakan rakaman dan gambaran masyarakat dan nilai-nilai hidup (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Kementerian Pelajaran Malaysia mengintegrasikan komponen sastera dalam subjek Bahasa Melayu (Komsas) mulai tahun 2000. Melalui pengintegrasian ini murid mendapat manfaat kerana

diberikan ruang mengenali karya sastra, menyemai sikap menghargai bahasa dan mengenali sosiobudaya masyarakat. Pemahaman dan penghayatan terhadap sosiobudaya melahirkan insan yang mempunyai jati diri, tahu akan adat dan tradisi dalam masyarakat termasuklah tahu cara berbahasa dengan sopan. Penyerapan teks sastra dalam subjek Bahasa Melayu merupakan strategi yang dapat berfungsi bagi menghaluskan budi dan memanusiakan insan dalam usaha memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pengembangan potensi individu secara seimbang dan harmonis.

SOROTAN KAJIAN

Sarjana Barat yang memberikan perhatian terhadap bidang ini termasuklah Grice yang menulis tentang “Logic and Conversations” pada tahun 1975. Grice telah memperkenalkan prinsip kerjasama (PK), iaitu kaedah untuk mengatur pertuturan atau interaksi bersemuka yang mementingkan makna. Grice mengemukakan empat maksim yang menjadi gagasannya, iaitu (1) maksim kuantiti; (2) maksim kualiti; (3) maksim relevan; dan (4) maksim cara. Selain itu, Brown dan Levinson (1978) pula menyetengahkan konsep muka positif dan konsep muka negatif sebagai asas strategi kesopanan yang berhubungan dengan konsep penjagaan air muka dengan strategi mengelakkan tindakan ancaman muka [*Face Threatening Acts* (FAT)].

Pada tahun 1980-an, bidang kesopanan berbahasa semakin mendapat tempat dalam kalangan pengkaji dan antara yang terkenal ialah Leech. Leech telah memperkenalkan prinsip kesopanan (PS) dalam bukunya *Principles of Pragmatics* (1983). Leech menyetengahkan enam maksim untuk memastikan kesopanan berbahasa dipatuhi oleh pendengar dan penutur, iaitu (1) maksim kebijaksanaan; (2) maksim kedermawanan; (3) maksim sokongan; (4) maksim kerendahan hati; (5) maksim persetujuan; dan (vi) maksim simpati. Maksim ini menitikberatkan manfaat yang diperoleh pendengar dalam komunikasi sehingga mencapai darjah kesopanan berbahasa.

Mohamad Idris (2000) dalam kajian sarjananya yang bertajuk “Kesantunan Berbahasa dalam Perbualan Keluarga Melayu” telah mengkaji kesantunan dalam perbualan keluarga Melayu. Beliau menggunakan enam maksim dalam Prinsip Kesopanan Leech bagi mengenal pasti ciri kesopanan dalam budaya Melayu ketika berkomunikasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Prinsip Kesopanan Leech dapat menggambarkan kesantunan berbahasa dalam keluarga Melayu. Perincian

daripada hasil dapatan beliau menunjukkan bahawa maksim santun paling tinggi kekerapan penggunaannya dalam perbualan keluarga Melayu.

Kajian kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas mula mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji walaupun belum menyeluruh. Nor Azian (2005) dalam kajian sarjananya yang bertajuk “*Analisis Kesantunan Berbahasa: Satu Kajian Kes*” telah mengkaji novel Komsas yang bertajuk *Seteguh Karang*. Dalam kajian ini beliau mengaplikasikan keenam-enam PS Leech bagi melihat kesopanan berbahasa dalam teks tersebut. Sementara itu, Muhamad Yazid Haji Kassim (2005) dalam tesis kedoktorannya yang bertajuk “*Genre Drama dalam Teks Sastera: Kajian Kandungan Nilai*” telah mengkaji bahan Komsas dengan memberikan fokus terhadap genre drama dalam antologi untuk Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Kajian beliau tertumpu pada aspek nilai murni yang merangkumi nilai kekeluargaan, peribadi dan kewarganegaraan. Shukri (2007) pula dalam tesis sarjananya yang bertajuk “*Nilai-nilai Murni dalam Novel Panas Salju*” (Tingkatan 3) telah meneliti aspek nilai murni berdasarkan 16 nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam novel tersebut. Kajian oleh Noor Hartini dan Siti Saniah (2011) yang bertajuk “*Eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani*” dalam *Jurnal Bahasa* merupakan kajian yang terkini dengan menggunakan bahan Komsas. Kajian ini memberikan fokus terhadap unsur eufemisme dalam kedua-dua buah novel dengan menggunakan maksim santun dalam PS Leech.

Kecenderungan kajian yang terdahulu dengan menggunakan bahan Komsas sebagai korpus kajian, memperlihatkan pengaplikasian Prinsip Kesopanan Leech terhadap data analisis. Kajian pada peringkat sarjana yang dilakukan oleh Nor Azian (2005) dan kajian Noor Hartini Zolkifli dan Siti Saniah (2012) dalam *Jurnal Bahasa* yang memberikan fokus terhadap aspek kesopanan berbahasa juga mengaplikasikan PS Leech. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kesesuaian penggunaan PS Leech bagi menganalisis data yang bersifat didaktik seperti bahan Komsas.

Kesimpulannya, kajian kesopanan berbahasa bersifat berterusan kerana penyelidikan ini amat signifikan dengan sosiobudaya masyarakat Melayu yang meletakkan budi bahasa dan budi pekerti pada tahap yang tinggi. Kajian terhadap bahan Komsas dan penggunaannya berubah-ubah setiap 10 tahun juga memperlihatkan kepentingannya. Selain itu, kesopanan berbahasa merupakan kemahiran yang perlu dipelajari secara berterusan, lebih-lebih lagi pada masa kini.

KEPENTINGAN KAJIAN

Pemilihan bahan Komsas oleh panel penilai telah melalui proses tertentu termasuklah penyaringan dan penilaian berdasarkan kriteria dan garis panduan yang telah ditetapkan. Menurut Fauziah, *et al.* (2010:134) yang memetik *Utusan Malaysia* (20/01/2008), Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggunakan kriteria yang lebih terperinci dalam pemilihan teks untuk kitaran kedua mulai tahun 2010. Pihak PPK telah mengambil kira teks atau karya yang dipilih mesti selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Kurikulum Kebangsaan, Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Elektif. Perkara ini termasuklah pertimbangan terhadap bahan yang bermutu, bernilai estetika dan memiliki kesesuaian agar dapat memenuhi hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan,¹ iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni.

Kajian ini memperlihatkan aspek kesopanan secara menyeluruh berlandaskan gabungan dua model kesopanan, iaitu model Leech yang menengahkan enam maksim dan diklasifikasikan kepada empat skala, iaitu skala kos-manfaat, skala pujian-cacian, skala persetujuan dan skala simpati. Model Grice pula mengutarakan empat maksim, iaitu maksim kuantiti, kualiti, relevan dan cara. Oleh itu, kajian ini melihat aspek kesopanan berbahasa yang signifikan dan dominan berdasarkan dialog yang dilafazkan oleh para watak yang terlibat, selain penggunaan aspek kesopanan berbahasa secara tersirat dan tersurat. Tujuan kajian ini adalah untuk mengklasifikasikan kesopanan berbahasa dalam novel Komsas, iaitu *Melunas Rindu* (MR) berdasarkan PS Leech (1983) dan PK Grice (1975).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan tiga kaedah, iaitu penyelidikan kepustakaan, analisis teks dan kuantitatif. Kajian kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sumber utama yang digunakan banyak terdapat dalam bentuk bertulis seperti buku, majalah, jurnal, akhbar, kertas kerja seminar dan latihan ilmiah.

Kaedah analisis teks dilakukan dengan memilih teks atau novel yang sesuai sebagai bahan kajian. Pembacaan secara teliti dilakukan terhadap teks diikuti oleh pemilihan watak yang terlibat dan dijadikan fokus kajian.

Pengkategorian dibuat dengan memilih dialog yang diujarkan oleh watak utama dan watak sampingan. Dialog tersebut dikeluarkan dan akan melalui proses pelabelan atau pengekodan.

Data dikodkan berdasarkan tajuk buku, bab (jumlah halaman dalam satu-satu bab), nama watak yang melafazkan dialog, halaman dan nombor dialog mengikut urutan dalam sesebuah bab. Misalnya, MR-B1(9)-Fu-H6-D1/5. MR bermaksud *Melunas Rindu*, B1(9) bermakna Bab 1 dan angka 9 dalam kurungan merujuk kepada jumlah halaman dalam Bab 1, singkatan Fu bagi nama watak yang melafazkan dialog, iaitu Fuad, H6 ialah halaman 6 dan D1/5 pula ialah dialog 1 daripada 5 dialog yang dilafazkan oleh watak Fuad dalam Bab 1. Tujuan pengekodan adalah untuk memudahkan proses pengenalpastian data analisis. Seterusnya, dialog dikelompokkan berdasarkan peristiwa tertentu sebelum dianalisis.

Analisis dilakukan dengan mengenal pasti kata kunci yang digunakan dalam dialog antara watak berdasarkan peristiwa komunikasi dengan memberikan fokus terhadap penggunaan kata, ungkapan dan ayat yang bersesuaian dengan padanan maksim dalam PS Leech. Aplikasi menggunakan keempat-empat maksim dalam PK Grice berlaku apabila terdapat data yang tidak berpadanan dengan maksim Leech.

Analisis kuantitatif pula dipaparkan dalam bentuk jadual bagi menggambarkan jumlah dialog dan peratusan pola kombinasi maksim dalam setiap peristiwa komunikasi. Paparan peratusan ini untuk memperlihatkan pola kombinasi maksim yang dominan dan mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam kajian. Kombinasi maksim yang terbentuk atas faktor kerelevanan dan kesesuaiannya dengan peristiwa komunikasi. Perbincangan hasil kajian dihuraikan dengan menggunakan pendekatan pragmatik yang melihat penggunaan bahasa berdasarkan konteks.

Kajian ini menggunakan genre novel yang bertajuk *Melunas Rindu* (MR) karya Hartini Hamzah. Novel MR merupakan novel yang telah dipilih oleh panel penilai untuk dijadikan bahan Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat sekolah menengah dan digunakan oleh para pelajar Zon 4 (Johor, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan). Teks MR ini digunakan khusus oleh para pelajar Tingkatan Empat di Zon 4. Novel ini mengandungi 19 bab dengan ketebalan 209 halaman. Novel ini diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd. pada tahun 2009² untuk edisi murid. Novel ini pernah memenangi tempat pertama kategori Novel Remaja Hadiah Sastera Utusan Melayu & Public Bank 1998.

Jadual 2 Data kajian.

BAB	WATAK		JUMLAH
	FUAD	FARHANA	
5	11	11	22

Kajian ini hanya menggunakan dialog yang dilafazkan oleh dua watak, iaitu Fuad watak utama dan Farhana watak sampingan. Sebanyak 22 dialog, iaitu 11 dialog daripada watak Fuad dan 11 dialog yang dilafazkan oleh watak Farhana. Jumlah dialog ini bukanlah jumlah mutlak bilangan dialog, sebaliknya dirujuk sebagai bentuk lafaz seseorang watak yang boleh menyamai satu ayat atau bentuk lafaz seseorang watak yang melebihi jumlah satu ayat dalam sesuatu peristiwa. Dialog yang akan diteliti dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 2.

Analisis yang dilakukan hanya melibatkan peristiwa yang terdapat dalam Bab 5 ini dengan memberikan fokus pada dialog antara watak Fuad dan watak Farhana, iaitu watak utama dan watak sampingan yang juga rakan sekerja di sekolah. Dialog ini dikelompokkan berdasarkan peristiwa tertentu. Dialog ini akan dianalisis berlandaskan PS Leech sebagai model utama dengan mengaplikasikan keenam-enam maksim, iaitu kebijaksanaan, kedermawanan, sokongan, kerendahan hati, persetujuan dan simpati. Analisis ini turut mengaplikasikan keempat-empat maksim yang terdapat dalam PK Grice, iaitu maksim kuantiti, kualiti, relevan dan cara untuk dipadankan dengan data yang tidak berpadanan dengan maksim dalam PS Leech.

MODEL PRINSIP KESOPANAN LEECH DAN PRINSIP KERJASAMA GRICE

Perkembangan bidang pragmatik telah memangkinkan kemunculan pengkaji Barat dengan mengetengahkan model masing-masing untuk meneliti aspek kesopanan. Antara model kesopanan yang terkenal ialah Model Prinsip Kerjasama Grice (1975), Model Kesopanan Peraturan Lakoff (1975), Model Prinsip Kesopanan Leech (1983) dan Model Strategi Kesopanan Brown dan Levinson (1978 & 1987). Setiap model yang dikemukakan oleh para sarjana tersebut mempunyai kelebihan dan kekurangannya dalam aspek tertentu. Pengaplikasiannya pula tidak bersifat menyeluruh dan relevan bagi semua konteks komunikasi. Model Brown dan Levinson, misalnya menekankan konsep air muka yang merujuk

penjagaan air muka dalam komunikasi dengan strategi kesantunan positif dan kesantunan negatif. Sesuai dengan konsep air muka pengaplikasian model ini lebih tepat untuk bentuk komunikasi yang berasaskan kritikan, misalnya bual bicara dan penjurian sebaliknya kurang sesuai diaplikasikan dalam bahan yang bersifat didaktik. Konsep air muka yang diketengahkan oleh Brown dan Levinson juga berbeza daripada tafsiran konsep air muka dalam masyarakat Timur sebagaimana kritikan Asmah (1996). Asmah (1996) menghubungkan konsep air muka dalam budaya Melayu dengan akar umbi budaya bukannya semata-mata menjaga air muka sebagaimana usulan konsep air muka positif dan negatif Brown dan Levinson.

PS Leech (1983) pula menekankan kesopanan yang memberikan keselesaan dan menyenangkan hati pendengar dengan penutur mempamerkan sikap beralah melalui ungkapan yang beradab. Dengan kata lain, komunikasi yang berlangsung lebih santai dan mesra bertitik tolak daripada kecenderungan penutur untuk tidak menyinggung perasaan orang lain agar dapat mencitrakan kesopanan. Pengaplikasian model Leech didapati relevan bagi memperlihatkan kesopanan berbahasa dalam bahan yang berbentuk didaktik seperti bahan Komsas yang sarat dengan penghayatan terhadap nilai murni. Bahan Komsas tidak memperlihatkan peristiwa yang cenderung untuk mengancam air muka orang lain. Hal ini bertitik tolak daripada fungsi bahan sastera adalah untuk menyemai sikap yang positif, toleransi dan peribadi yang baik dalam diri individu (Sawyer dan Corner, 1995:4).

Leech (1983) telah memperkenalkan satu prinsip yang dikenali dengan prinsip kesopanan (PS). Prinsip ini dikemukakan hasil daripada kritikan beliau terhadap Prinsip Kerjasama (PK) yang dikemukakan oleh Grice (1975). Leech menjelaskan bahawa teori Grice hanya menekankan PK untuk memerihalkan hubungan antara kuasa dengan maksud. Bagi Leech, selain yang diberikan oleh Grice, unsur kesantunan bahasa juga diperlukan untuk memahami maksud sesuatu ujaran. PS Leech lebih menekankan faktor budaya masyarakat, psikologi penutur-pendengar dalam menyampaikan maksud dengan berkesan. Tegasnya, prinsip yang dikemukakan oleh Leech merupakan pelengkap dan penyelamat kepada PK Grice untuk menyampaikan maksud sebaik mungkin.

PS ini lebih menekankan tingkah laku dan persoalan beradab yang menghubungkan dua pihak dalam sesuatu proses komunikasi, iaitu antara diri sendiri yakni penutur dengan orang lain yakni pendengar. Leech (1983) memberikan penekanan pada prinsip yang memaksimumkan keuntungan,

kesepakatan, rasa hormat dan sikap belas kasihan kepada orang lain dengan meminimumkan atau mengabaikan perkara tersebut terhadap diri sendiri. Terdapat enam maksim dalam PS Leech yang dapat dikelaskan dalam 4 skala.

- (1) Maksim kebijaksanaan ialah maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain. Kebijaksanaan dalam kajian ini merujuk tindakan mengurus sesuatu situasi tanpa menyinggung perasaan orang lain dalam konteks komunikasi. Situasi yang dimaksudkan merujuk cara yang berhemah untuk mendekati atau berurusan dan memanggil atau menyapa orang lain agar dapat mewujudkan kemesraan dalam komunikasi selain memaksimumkan manfaat kepada pendengar.
- (2) Maksim kedermawanan ialah maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri, atau dengan kata lain menguntungkan orang lain. Dalam kajian ini, maksim kedermawanan dikenal pasti melalui sikap murah hati dalam memberikan bantuan, menawarkan bantuan dan mempelawa orang lain tanpa mengira kos yang ditanggung.
- (3) Maksim sokongan ialah maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain. Dalam kajian ini, maksim ini dikenal pasti melalui sikap memuji dengan penggunaan kata pujian terhadap orang lain dan ungkapan menghargai agar orang lain berasa senang hati.
- (4) Maksim kerendahan hati ialah maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Dalam kajian ini, maksim ini dikenal pasti melalui tindakan merendah diri dengan meminta maaf untuk mengelak pihak lawan tutur berasa tersinggung selain penggunaan ungkapan tertentu untuk mencaci diri sendiri.
- (5) Maksim persetujuan ialah maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain bagi mencapai kesepakatan. Dalam kajian ini, maksim persetujuan dikenal pasti

melalui persetujuan secara langsung dan secara tidak langsung oleh pihak lawan tutur bagi melancarkan komunikasi.

- (6) Maksim simpati ialah maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Dalam kajian ini, maksim ini dikenal pasti melalui sikap belas kasihan dan sikap mengambil berat apabila mendengar permasalahan orang lain bagi tujuan memaksimumkan simpati terhadap orang lain.

Grice (1975) pula telah mengemukakan PK untuk memperlihatkan pertalian dan perkaitan antara maksud dengan kuasa. Secara umumnya PK Grice ini ialah prinsip atau tatacara yang perlu dipatuhi oleh penutur dalam perbualan mereka untuk menghasilkan komunikasi yang berkesan dengan kewujudan kerjasama kedua-dua belah pihak yang mengambil bahagian dalam perbualan tersebut. Prinsip ini merupakan satu kaedah yang unggul atau ideal untuk mengatur pertuturan atau interaksi verbal bersemuka. Prinsip kerjasama ini membolehkan sesuatu perbualan berjalan dengan lancar apabila mereka terlibat dalam perbualan mengandaikan bahawa pasangan mereka sedang bekerjasama. Empat maksim yang dikemukakan oleh Grice ialah :

- (1) Maksim kuantiti: Memberikan maklumat yang sempurna
 - (a) Memberikan maklumat yang informatif dan mencukupi.
 - (b) Tidak memberikan maklumat yang berlebihan daripada yang diperlukan.

Maksim kuantiti menurut Grice (1975) merujuk maklumat yang disampaikan mencukupi dan berinformatif mengikut kehendak soalan atau permintaan. Maklumat yang berlebihan akan membosankan pendengar. Dalam kajian ini, maksim kuantiti merujuk maklumat yang memenuhi permintaan dan pertanyaan dalam sesuatu peristiwa komunikasi.

- (2) Maksim kualiti: Memberikan maklumat yang betul
 - (a) Tidak menyebut sesuatu yang anda tidak tahu atau benar.

- (b) Tidak menyebut sesuatu yang anda tidak tahu dalil atau kesahihan buktinya.

Maksim kualiti menurut Grice (1975) merujuk maklumat yang berkaitan dengan fakta, bukti dan dalil yang sahih atau benar untuk menghindarkan kepalsuan maklumat. Dalam kajian ini, maksim kualiti merujuk maklumat yang ditandai dengan pengemukaan fakta dan bukti yang boleh diterima akal bagi membuktikan kesahihan maklumat.

(3) Maksim relevan: Maklumat yang berkaitan

- (a) Maklumat yang disampaikan haruslah berkaitan dan mempunyai pertalian.

Maksim relevan menurut Grice (1975) merujuk maklumat yang berkaitan sama ada tersurat atau tersirat tetapi masih bersesuaian dengan tema atau topik perbualan. Dalam kajian ini, maksim relevan merujuk maklumat yang dapat memberikan sumbangan yang berkaitan atau mempunyai pertalian dengan perkara yang menjadi tema atau topik dalam sesuatu peristiwa komunikasi.

(4) Maksim cara: Menyatakan sesuatu dengan cara yang jelas dan mudah difahami dan harus:

- (a) Tidak kabur.
- (b) Tidak taksa.
- (c) Ringkas.
- (d) Tersusun.

Maksim cara menurut Grice (1975) merujuk maklumat yang disampaikan dengan cara yang tertib, jelas dan tidak kabur bagi mengelakkan ketaksaan. Dalam kajian ini, maksim cara merujuk maklumat yang disampaikan dengan menggunakan teknik memberikan penjelasan, contoh dan teknik susunan tertib. Tujuannya tetap sama, iaitu untuk mengelakkan kekaburan dan ketaksaan dalam berkomunikasi.

Maksim yang dikemukakan oleh Grice seolah-olah menjadi pengawal kepada peserta supaya mengujarkan sesuatu yang mewujudkan kerjasama dan mampu menyumbang ke arah matlamat ilokusi atau wacana perbualan tersebut. Menurut Leech (1983) PK ini mampu membantu kita memperihalkan pertalian antara maksud dengan kuasa dalam sesuatu ujaran dan mengurangkan kekeliruan dalam komunikasi.

Kajian ini akan mengaplikasikan keenam-enam maksim dalam PS Leech, iaitu maksim kebijaksanaan, maksim kedermawanan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati, dilengkapi dengan keempat-empat maksim Grice, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara dalam PK Grice berdasarkan peristiwa dalam Bab 5 novel MR ini bagi memperlihatkan kesopanan berbahasa yang digunakan. Kajian ini akan mengutamakan model Leech sebagai landasan analisis terhadap data dalam Bab 5 ini. Jika terdapat data yang tidak berpadanan atau tidak mematuhi maksim dalam PS Leech, maka maksim PK Grice akan diaplikasikan dalam data tersebut untuk melengkapkan PS Leech. Ringkasnya, PS Leech mengutamakan usaha untuk meminimumkan kos atau beban dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain dalam berkomunikasi selain menekankan prinsip untuk mengelakkan seseorang tersinggung atau berkecil hati. Apabila pendengar berasa selesa maka objektif komunikasi tercapai sekali gus mencitrakan kesopanan. Dalam komunikasi, keaburan dan ketaksaan yang berlaku juga dianggap tidak sopan sebagaimana yang diusulkan oleh Grice (1975), iaitu kejelasan, kesahihan, kerelevanan dan ketertiban maklumat perlu dititikberatkan bagi mewujudkan kerjasama dan kelancaran berkomunikasi.

ANALISIS DATA

Pengklasifikasian data yang dilakukan mendapati bahawa perbualan kedua-dua watak dalam peristiwa Bab 5 novel ini hanya mematuhi empat maksim yang diperkenalkan oleh Leech (1983), iaitu (i) maksim kebijaksanaan; (ii) maksim kedermawanan, (iii) maksim sokongan; dan (iv) maksim persetujuan sementara dua maksim yang berbaki, iaitu maksim kerendahan hati dan maksim simpati tidak wujud dalam peristiwa perbualan dalam Bab 5 ini. Pengklasifikasian ini turut memperlihatkan kehadiran maksim cara (susunan tertib) dan maksim kualiti dalam PK Grice (1975). Pengklasifikasian data yang dilakukan telah memperlihatkan maksim PS Leech tidak berdiri sendiri sebaliknya memperlihatkan kombinasi

maksim yang seterusnya membentuk pola tertentu bagi memmanifestasikan kesopanan berbahasa dalam peristiwa komunikasi. Dalam kasus tertentu terdapat juga kombinasi maksim Grice, iaitu maksim kualiti dan maksim cara yang wujud bagi melengkapkan maksim Leech.

Pengklasifikasian ini memperlihatkan kesopanan berbahasa hasil kombinasi dua prinsip, iaitu PS Leech dan dilengkapi PK Grice dalam Bab 5 novel ini. Pengklasifikasian data berdasarkan analisis terhadap peristiwa dalam Bab 5 ini seperti dalam Jadual 3. Jadual ini menunjukkan pola maksim yang terbentuk berdasarkan pengklasifikasian terhadap tiga peristiwa dalam Bab 5. Terdapat tiga aturan gabungan maksim yang terbentuk. Pengklasifikasian tersebut menunjukkan pola kombinasi maksim kebijaksanaan + maksim sokongan + maksim persetujuan + maksim cara (susunan tertib) diwakili 11 dialog, iaitu sebanyak 50 peratus manakala pola kombinasi maksim kebijaksanaan + maksim kedermawanan + maksim persetujuan + maksim kualiti diwakili enam dialog, iaitu sebanyak 27.3 peratus. Pola maksim kebijaksanaan + maksim kedermawanan pula diwakili lima dialog, iaitu sebanyak 22.7 peratus.

Berdasarkan pengklasifikasian tersebut, didapati pola kombinasi maksim adalah berbeza dalam setiap peristiwa. Hal ini disebabkan maklumat yang menjadi bahan bualan dalam setiap peristiwa berbeza-beza walaupun dituturkan oleh watak yang sama, iaitu Fuad dan Farhana. Watak juga mencerminkan sikap berhemah dalam berkomunikasi agar

Jadual 3 Jadual pola kombinasi maksim PS Leech dan PK Grice.

Prinsip	Peristiwa	Pola Kombinasi Maksim	Jumlah Dialog	Peratus (%)
Kesopanan Leech/ Kerjasama Grice	Peristiwa 1	Kebijaksanaan + Kedermawan	5	22.7
	Peristiwa 2	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + cara (susunan tertib) Kedermawan	11	50
	Peristiwa 3	Kebijaksanaan + Kedermawan + Persetujuan + Kualiti	6	27.3
Jumlah		3	22	100

tidak menyinggung perasaan orang lain. Norazlina (2010:59) menyatakan setiap individu perlu berhati-hati dalam berkomunikasi baik secara bersemuka atau bertulis supaya tidak menjatuhkan air muka pihak yang diajak berkomunikasi. Dalam hubungan ini, kesopanan berbahasa amat diperlukan untuk membentuk keperibadian diri dan keharmonian hidup bermasyarakat.

(1) Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan

Pola kombinasi maksim kebijaksanaan + kedermawanan ditandai oleh kata kunci yang tertentu. Maksim kebijaksanaan ditandai dengan cara yang berhemah dan sopan untuk mendekati dan berkomunikasi dengan orang lain bagi mewujudkan keselesaan dan kemesraan. Perlakuan bijaksana ini juga ditandai dengan penggunaan bentuk panggilan, kata ganti nama dan bijaksana dalam menyapa orang lain. Maksim kedermawanan pula ditandai sikap murah hati, iaitu menawarkan bantuan dan menolak bantuan. Kesemua dialog ini dianalisis berdasarkan peristiwa dalam novel ini.

(2) Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan

Peristiwa 1: Fuad hendak Membeli Buku Rujukan

Pola kombinasi maksim kebijaksanaan + kedermawanan ini dapat dilihat dalam Jadual 4. Perbualan dalam peristiwa Fuad hendak membeli buku rujukan dalam Bab 5 ini mematuhi maksim kebijaksanaan + kedermawanan. Maksim kebijaksanaan dikenal pasti melalui pemilihan kata yang tepat untuk mencadangkan sesuatu. Fuad bercadang hendak membeli buku rujukan di kedai dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H44-D2/11 “Ingat nak cari buku tu di kedai.” Penggunaan kata *ingat* menandakan cadangan Fuad untuk mencari buku rujukan tersebut di kedai dan lebih lembut bunyinya kepada pendengar, iaitu Farhana. Kebijaksanaan penutur dalam peristiwa ini turut menyerlah dengan penggunaan kata ganti nama diri *saya* untuk

Jadual 4 Peristiwa 1- Fuad hendak membeli buku rujukan.

Maksim	Kata	Ungkapan	Ayat
Kebijaksanaan	Ingat/Ana/Fuad	-	-
Kedermawanan	-	Biarlah saya beli	Pakai sajalah buku saya tu.

diri sendiri dan kata ganti nama peribadi seperti Ana dan Fuad. Kedua-dua kata ganti nama ini memperlihatkan kelembutan dan kehalusan bahasa yang sekali gus memaksimumkan manfaat kepada pendengar. Dalam budaya Melayu, menyapa atau memanggil seseorang dengan kata sapaan yang sesuai melambangkan rasa hormat kepada individu yang disapa (Indirawati, 2010:14). Pandangan ini memanasifestasikan kepentingan untuk memilih kata sapaan yang betul dalam sesuatu peristiwa komunikasi.

Peristiwa ini juga mematuhi maksim kedermawanan apabila Farhana menawarkan bantuan kepada Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H44-D2/11 “Tak payah susah-susah beli, Fuad. Pakai sajalah buku saya tu.” Farhana menawarkan bantuan buku kepada Fuad dalam ayat *Pakai sajalah buku saya tu*. Tawaran ini mencerminkan sikap dermawannya yang sanggup memaksimumkan kos untuk dirinya. Sikap dermawan bukan sahaja diperlihatkan dengan menawarkan bantuan tetapi turut ditandai sikap menolak bantuan. Fuad dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H45-D3/11 “Susah juga kalau kita sama-sama nak pakai serentak. Biarlah saya beli, senang saya nak buat ulang kaji di rumah, menolak tawaran Farhana.” Ungkapan *Biarlah saya beli* dalam dialog ini menandakan penolakan Fuad terhadap tawaran Farhana. Penolakan terhadap tawaran tersebut dibuat dengan cara yang baik, ada alasannya, dan dilunakkan dengan partikel *lah*. Tindakan Fuad ini bertepatan dengan sikap orang Melayu yang seboleh mungkin tidak mahu menyusahkan orang lain walaupun meminimumkan keuntungan untuk diri sendiri.

(3) Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Cara (susunan tertib)

Pola kombinasi maksim kebijaksanaan + sokongan + persetujuan + cara (susunan tertib) ditandai dengan kata kunci yang tertentu. Maksim kebijaksanaan ditandai oleh kebijaksanaan dalam mendekati dan berurusan dengan orang lain untuk mencapai objektif komunikasi selain pemilihan kata yang tepat untuk menyapa seseorang. Maksim sokongan ditandai dengan kata pujian sementara maksim persetujuan pula ditandai oleh persepakatan yang diberikan oleh lawan tutur bagi memenuhi permintaan atau pertanyaan seseorang. Maksim cara, iaitu teknik susunan tertib pula ditandai oleh kata bilangan pada pangkal ayat supaya maklumat yang disampaikan lebih teratur dan tertib. Kesemua dialog ini dianalisis berdasarkan peristiwa dalam novel ini.

(4) Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Cara (susunan tertib) – Peristiwa 2: Perbincangan Program Peningkatan Akademik

Pola kombinasi maksim kebijaksanaan + sokongan + persetujuan + cara (susunan tertib) dapat dilihat dalam Jadual 5. Perbualan dalam peristiwa perbincangan tentang program peningkatan akademik dalam Bab 5 ini mematuhi maksim kebijaksanaan + sokongan + persetujuan + cara (susunan tertib). Maksim kebijaksanaan dikenal pasti melalui pemilihan kata yang bijaksana dan sopan untuk meminta, menyuruh dan mencadangkan sesuatu. Seseorang yang hendak meminta pertolongan daripada orang lain harus berurusan dengan sopan agar pendengar berasa senang hati kerana perbuatan meminta, menyuruh dan mencadangkan menjadi negatif jika disampaikan dengan cara yang tidak berhemah. Farhana meminta pertolongan daripada Fuad dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H45-D3/11 *Tolong saya, Fuad*. Penggunaan kata *tolong* dalam dialog ini mencitrakan kelembutan dan harapan untuk mendapatkan pertolongan daripada seseorang, iaitu Fuad. Situasi ini bersesuaian dengan pandangan bahawa walaupun permintaan tersebut berbentuk perintah tetapi dilembutkan dengan kata *tolong* selain penggunaan kata *boleh* (Indirawati Zahid, 2005:26). Tindakan meminta tolong turut terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H45-D4/11 “Saya dah siap sebahagian. Itulah nak tanya awak, mana tahu awak ada idea nak tambah.” Ungkapan *mana tahu awak ada idea nak tambah*,” yang dituturkan oleh Farhana sebenarnya bermaksud meminta bantuan Fuad untuk memberikan idea kepadanya tetapi disampaikan dengan cara berlapik dan tidak berterus-terang. Hal

Jadual 5 Peristiwa 2- perbincangan program peningkatan.

Maksim	Kata	Ungkapan	Ayat
Kebijaksanaan	Tolong/ Kalau/Ana/ Fuad/ saya/Awak	Mana tahu awak ada idea nak tambah/ duduklah dulu	-
Sokongan	Bagus/cantik	-	-
Persetujuan	okey	-	Gitulah lebih kurang
Cara	Pertama/ kedua/ lagi satu	-	-

ini selaras dengan pandangan Noor Hatini dan Siti Saniah (2011:88), iaitu budaya Timur terutamanya budaya Melayu selalunya mengamalkan ilokusi berlapak yang merujuk lakuan tidak terus yang lebih beradab dan memberikan peluang pilihan semasa berbicara.

Pemilihan kata yang sesuai untuk menyuruh juga signifikan dalam peristiwa ini. Farhana menyuruh Fuad duduk bagi memudahkan mereka berbincang dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H45-D3/11 “Tapi sebelum tu, duduklah dulu.” Ungkapan *duduklah dulu* dalam dialog ini adalah sebagai tanda menghormati rakan sekerja kerana *duduk* lebih sopan daripada berbincang dalam keadaan berdiri. Cara menyuruh duduk ini pula dilunakkan dengan partikel *lah* supaya lebih lembut pada pendengaran pendengar dan dapat meminimumkan kos kepada pendengar. Ayat dan ungkapan yang berbentuk suruhan dianggap agak keras, jadi untuk melembutkannya maka partikel *lah* disertakan (Nik Safiah Karim *et al*, 1993:429). Oleh itu, penggunaan partikel *lah* dalam kajian ini berperanan sebagai pelembut berdasarkan fungsi komunikatif walaupun analisis ini tidak menyentuh aspek intonasi. Perkara ini juga bertepatan dengan pendapat Tenas Effendy (2011:36), iaitu menyuruh seseorang hendaklah dilakukan dengan cara bersopan santun, berbudi bahasa halus, bukan memaksa dan bukan dengan cara yang kasar. Situasi ini bersesuaian dengan penggunaan ungkapan *duduklah* yang dilafazkan oleh watak Farhana ketika menyuruh Fuad duduk untuk berbincang.

Dalam usaha mencadangkan sesuatu kepada orang lain, penutur harus pandai berdiplomasi agar cadangan tersebut dapat diterima pendengar dengan hati yang terbuka. Fuad memberikan cadangan apabila diminta oleh Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H46-D6/11 “Apa kata kalau kita buat satu program yang mendidik murid secara individu.” Cadangan daripada Fuad juga terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11 “Saya percaya, kalau kita betul-betul melaksanakan program ini dengan cuba mencari masa membimbing murid secara individu, sedikit sebanyak akan ada kesannya. Kalau Ana benarkan, saya ambil tiga kumpulan.” Fuad memberikan cadangan kepada Farhana agar dapat membantu meningkatkan kecemerlangan akademik para pelajar di sekolah itu. Dialog MR-B5(10)-Fu-H49-D8/11 “Ha ... Apa kata kalau kita beri nama, *English Personal Guidance*?” juga berupa cadangan Fuad tentang nama program yang dibincangkan oleh mereka. Cadangan dalam peristiwa ini ditandai kata *kalau* memberikan pilihan kepada pendengar dan lebih lembut sifatnya. Penggunaan kata *kalau* untuk mencadangkan sesuatu

memanifestasikan kesopanan kerana tidak menggambarkan desakan kepada pendengar. Asmah (2009:227) dalam *Nahu Melayu Mutakhir* meletakkan *kalau* sebagai kata penghubung syarat atau pengandaian tak setara. *Kalau* dalam analisis ini sinonim dengan syarat atau pengandaian yang bermaksud tidak semestinya suatu kenyataan (*Kamus Dewan*, 2007). Oleh itu, penggunaan kata *kalau* dalam analisis ini lebih merupakan pengandaian bagi berlakunya sesuatu perbuatan, atau cadangan yang memberikan pilihan kepada pendengar. Apabila situasi ini berlaku, maka perkara ini dapat meminimumkan kos pendengar, iaitu pendengar tidak berasa terbeban atau tertekan dengan cadangan tersebut. Menurut Tenas Effendy (2011:40), “orang tua-tua ada mengatakan Apabila hendak memberi saran, elokkan niat luaskan fikiran.” Pendapat ini memberikan gambaran bahawa pemikiran yang bernas dan niat yang ikhlas amat penting agar saranan atau cadangan memberikan manfaat kepada orang lain dan hal ini amat dititikberatkan oleh masyarakat Melayu.

Maksim kebijaksanaan dalam peristiwa ini turut ditandai dengan penggunaan dan pemilihan kata yang sopan dan sesuai untuk memanggil atau menyapa seseorang. Penggunaan kata ganti nama diri *saya* untuk menggantikan nama diri sendiri, kata ganti nama *awak* dan kata nama peribadi seperti *Ana* dan *Fuad* untuk memanggil rakan sekerja. Penggunaan kata panggilan dan sapaan yang sesuai, memanifestasikan kebijaksanaan penuturnya dalam berbahasa dan menepati ciri sosiobudaya Melayu. Zaitul Azma (2009:31) menyatakan penggunaan kata ganti nama diri dan kata panggilan yang sesuai menyerlahkan kesopanan berbahasa penutur di samping menimbulkan rasa hormat.

Maksim sokongan pula ditandai kata-kata pujian seperti dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H48-D7/11 “Eh bagus, bagus tu!” dan dialog MR-B5(10)-Fa-H49-D8/11 “Okey, cantik nama tu.” Kata sifat seperti *bagus* dan *cantik* dalam kedua-dua dialog yang dituturkan oleh Farhana menandakan penghargaan dan sokongan terhadap cadangan yang dikemukakan oleh Fuad. Pujian dapat memberikan motivasi dan menyenangkan hati pendengar selain dapat memaksimumkan pujian antara diri sendiri dengan orang lain. Dalam masyarakat dan budaya Melayu, apabila memberikan pujian, seseorang itu sebenarnya memperlihatkan kesetiakawanan kepada pihak yang dipuji (Teo Kok Seong, 2012:124). Pandangan ini bertepatan dengan pujian yang diberikan oleh Farhana kepada Fuad bagi menggambarkan penghargaan kepada rakan sekerja yang telah memberikan idea kepadanya.

Maksim persetujuan ditandai oleh usaha penutur dan pendengar mewujudkan kesepakatan dan mengelakkan konflik dalam berkomunikasi. Fuad bersetuju secara tidak langsung ketika menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11 “Gitulah lebih kurang”. Ayat *Gitulah lebih kurang* yang dituturkan oleh Fuad bermaksud agak sama atau ada sedikit kelainan apabila Farhana bertanya adakah program yang dicadangkan oleh Fuad seperti program *mentor-mentee* dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H46-D6/11. Jawapan yang diberikan oleh Fuad memperlihatkan kesopanan kerana masih memanasifasikan persetujuan yang dapat meminimumkan perbalahan dan melancarkan komunikasi. Persetujuan secara langsung pula terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H49-D8/11 “Okey, cantik nama tu.” Kata *okey* yang dituturkan oleh Farhana menandakan persetujuan secara langsung terhadap nama program yang dicadangkan oleh Fuad, iaitu *English Personal Guidance*. Persetujuan secara langsung dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain.

Maksim cara, iaitu teknik susunan tertib pula terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11 “Pertama, kita tahu apa penyakit seseorang murid itu. Kedua, kita boleh ajar mereka berdasarkan kelemahan mereka dan bukannya mengajar berdasarkan apa yang kita nak beri. Lagi satu bila masanya kita nak jumpa budak-budak tu kerana jadual mereka penuh dan kita pula tak boleh ambil masa cikgu lain.” Teknik susunan tertib ditandai kata bilangan seperti *pertama*, *kedua* dan *lagi satu* pada pangkal ayat dalam dialog tersebut. Sumbangan maklumat secara tertib dan tersusun dapat meningkatkan kejelasan maklumat yang hendak disampaikan oleh penutur dalam berkomunikasi agar maklumat dapat diterima dengan mudah. Apabila maklumat dapat difahami dengan jelas, maka wujudlah kerjasama yang sekali gus memanasifasikan kesopanan berbahasa sebagaimana gagasan yang diketengahkan oleh Grice (1975) bagi memenuhi tuntutan maksim ini.

(5) Pola Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan + Kualiti

Pola maksim kebijaksanaan + kedermawanan + persetujuan + kualiti ditandai oleh kata kunci yang tertentu. Maksim kebijaksanaan ditandai dengan cara yang berhemah untuk mendekati dan berurusan dengan orang lain, dan penggunaan kata yang tepat untuk memanggil dan menyapa

seseorang sebagai tanda hormat. Maksim kedermawanan pula ditandai oleh sikap murah hati dalam menawarkan bantuan dan mempelawa; manakala maksim persetujuan ditandai oleh persetujuan secara langsung bagi menggambarkan kesepakatan; manakala maksim kualiti ditandai dengan ungkapan yang menggambarkan bukti atau fakta dalam menyampaikan maklumat agar mendapat kepercayaan daripada seseorang. Kesemua dialog ini dianalisis berdasarkan peristiwa dalam novel ini.

(6) Pola Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan Persetujuan + Kualiti
Peristiwa 3: Fuad Membawa Jagung ke Sekolah

Pola maksim kebijaksanaan + kedermawanan + persetujuan + kualiti dapat dilihat dalam Jadual 6.

Perbualan dalam peristiwa Fuad membawa jagung ke sekolah mematuhi maksim kebijaksanaan + kedermawanan + persetujuan + kualiti. Maksim kebijaksanaan ditandai oleh pemilihan kata yang tepat dan sopan dalam memberi cadangan. Dalam peristiwa ini, bijaksana memberi cadangan terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11 “Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya.” Fuad mencadangkan Farhana pergi ke kebun jagungnya jika Farhana tidak percaya bahawa dia menanam jagung yang ditandai kata *kalau* dalam dialog tersebut. Kata *kalau* lebih lembut dan sesuai sekali gus dapat meminimumkan kos pendengar dalam berkomunikasi kerana penggunaan kata tersebut memberikan ruang dan menambahkan peluang untuk pendengar membuat pilihan. Menurut Noriati A.Rashid (2013:62), cadangan merupakan cara santun yang digunakan oleh penutur sewaktu menyatakan permintaan atau mengemukakan pandangan dengan penggunaan ungkapan *kalau boleh*, *kalau dapat*, *ingat* dan ujaran berbentuk ayat tanya. Situasi penggunaan kata *kalau* ini sama seperti yang berlaku dalam peristiwa 2, iaitu perbincangan Program Peningkatan Akademik yang telah dibincangkan sebelum ini.

Maksim kebijaksanaan juga ditandai dengan bentuk panggilan yang sopan, iaitu kata panggilan hormat seperti *cikgu* dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11. Fuad menggunakan panggilan *Cikgu Abas* dalam perbualannya dengan Farhana walaupun orang tersebut tidak hadir dalam perbualan. Kata panggilan ini mengimplikasikan penutur sentiasa memilih kata yang tepat untuk memberikan manfaat kepada pendengar sebagai tanda hormat. Penggunaan kata ganti nama *saya* tergolong

Jadual 6 Peristiwa 3: Fuad membawa jagung ke sekolah.

Maksim	Kata	Ungkapan	Ayat
Kebijaksanaan	Kalau/ cikgu saya/ awak	-	-
Kedermawanan	-	-	Awak nak tak?/ Saya hantar sampai rumah./ Saya boleh hantar./ Alah tak payah.
Persetujuan	okeylah betul	-	-
Kualiti	-	Tanya Cikgu Abas/ saya tunjuk dalam bonet kereta saya/ saya bawa awak tengok kebun jagung saya	Saya memang tanam jagung sebelum jadi cikgu

dalam bahasa halus (Nor Hashimah, 1992:46). Penggunaan kata-kata ganti nama tersebut memanifestasikan kesopanan berbahasa yang dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar apabila pendengar merasa selesai.

Maksim kedermawanan terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H49-D9/11 “Ana ...Hari ni saya ada bawa barang sikit. Istimewa. Awak nak tak? Saya bawa jagung. Awak punya pasal, kalau nak, saya hantar sampai ke rumah.” Sikap dermawan yang merujuk tindakan mempelawa ditandai oleh ayat tanya, iaitu *Awak nak tak?* yang bermaksud mahu atau tidak. Dalam konteks ini Fuad mempelawa Farhana untuk menerima dan menikmati jagung yang dibawanya ke sekolah. Sikap dermawan dalam peristiwa ini turut ditandai oleh sikap menawarkan bantuan kepada rakan baik. Fuad menawarkan bantuan untuk menghantar jagung sampai ke rumah Farhana dalam ungkapan *saya hantar sampai ke rumah*. Kedermawanan Fuad juga terserlah dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H51-D11/11 “Jangan lupa, balik nanti ambil jagung di kereta saya, okey? Kalau awak malu nak bawa balik, saya boleh hantar.” Fuad mengingatkan Farhana agar mengambil jagung dalam keretanya dan menawarkan bantuan untuk menghantar jagung tersebut ke rumah Farhana melalui ungkapan *saya boleh hantar*.

Sikap dermawan yang dikenal pasti melalui tindakan mempelawa dan menawarkan bantuan kepada rakan sekerja bukan sahaja memmanifestasikan kesopanan berbahasa malahan mencerminkan kesanggupan penutur memaksimumkan kos diri untuk memberikan keuntungan kepada pendengar. Sikap ini dimanifestasikan oleh peribahasa Melayu yang berbunyi “orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa”.

Tindakan menolak tawaran atau bantuan juga mencerminkan sikap dermawan. Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H51-D11/11 “Alah, tak payah. Rumah saya dekat saja,” menolak tawaran Fuad untuk menghantar jagung ke rumahnya. Penolakan tawaran atau bantuan bukan sahaja mencerminkan penuturnya rela meminimumkan keuntungan dirinya malahan memmanifestasikan kehalusan budi Melayu yang berpada-pada ketika menerima bantuan orang lain dan relevan dengan sikap sopan dalam berkomunikasi.

Kesepakatan dalam perbualan amat signifikan bagi mewujudkan kesopanan berbahasa dalam maksim persetujuan. Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H50-D10/11 “Okeylah, saya percaya,” bersetuju secara langsung dengan permintaan Fuad yang mahu Farhana percaya bahawa dia menanam jagung. Kata *okeylah* menandakan persetujuan Farhana terhadap permintaan Fuad. Fuad juga menunjukkan persetujuan secara langsung dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11 “Eh, betul! Apa pula tak betulnya. Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi.” Kata *betul* dalam dialog ini menandakan persetujuan secara langsung Fuad bagi menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H49-D9/11. Persetujuan secara langsung dalam komunikasi bukan sahaja dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain malahan memmanifestasikan kesepakatan yang memmanifestasikan kesopanan.

Maksim kualiti pula terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11 “Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi. Tak percaya, tanya Cikgu Abas. Tak percaya juga lagi, jom saya tunjuk dalam bonet kereta saya. Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya.” Fuad dalam dialog ini berusaha untuk membuat Farhana percaya bahawa dia menanam jagung sebelum menjadi guru. Ungkapan *tanya Cikgu Abas, saya tunjuk dalam bonet kereta saya dan saya bawa awak pergi tengok kebun saya* dalam dialog Fuad, memerihalkan bukti yang menegaskan bahawa dia memang menanam jagung. Bukti ini dapat memberikan keyakinan kepada Farhana bahawa Fuad berkata benar

dan jujur. Zaitul Azma *et al.* (2011:328) berpendapat bahawa maksim kualiti Grice akan menyeimbangkan tindakan santun bagi melahirkan jalinan yang berterusan dalam sesuatu perbualan. Oleh itu, maksim ini perlu dipatuhi dalam perbualan bukan sahaja untuk memperlihatkan kejujuran penutur malahan dapat menghasilkan komunikasi yang berkesan sehingga mewujudkan kerjasama dan kesopanan dalam berbahasa.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, watak-watak dalam novel ini telah memperlihatkan kesopanan berbahasa dalam komunikasi yang berlangsung. Berdasarkan analisis, didapati pola kombinasi maksim yang tertinggi ialah kebijaksanaan + sokongan + persetujuan + cara (susunan tertib), iaitu 50 peratus, sementara pola kombinasi maksim yang terendah ialah maksim kebijaksanaan + kedermawanan, iaitu 22.7 peratus. Dialog yang dilafazkan oleh kedua-dua watak dalam novel ini hanya mematuhi empat maksim dalam PS Leech dan memperlihatkan kehadiran maksim kualiti dan maksim cara (susunan tertib) dalam PK Grice. Maksim Leech yang tidak terdapat dalam peristiwa perbualan dalam Bab 5 ini ialah maksim kerendahan hati dan simpati. Senario ini berlaku disebabkan ketiga-tiga peristiwa dalam Bab 5 ini tidak berpadanan bagi maksim tersebut.

Kajian menunjukkan bahawa maksim dalam PS Leech tidak dapat berdiri sendiri dalam memperlihatkan kesopanan berbahasa sebaliknya memerlukan kombinasi maksim yang lain dalam sesuatu peristiwa perbualan. Maksim kualiti dan maksim cara (tertib) dalam PK Grice pula wujud dalam peristiwa 2 dan peristiwa 3 untuk melengkapi maksim Leech. Oleh itu, PK Grice dapat melengkapkan kekurangan yang terdapat dalam PS Leech kerana tidak semua dialog dapat dipadankan dengan maksim Leech. Impaknya, wujudlah pola tertentu bagi maksim berkenaan dalam peristiwa yang berbeza. Lanjutan itu, perbualan dalam setiap peristiwa bukan sahaja memperlihatkan darjah kesopanan yang tinggi malahan lebih bermakna, teratur dan berkesan.

Dalam perbualan, didapati watak juga tidak mengabaikan kesepakatan dengan memberikan persetujuan melalui persetujuan secara langsung bagi memberikan respons terhadap permintaan, pertanyaan ataupun pandangan yang dikehendaki dan tindakan ini dapat melancarkan komunikasi di samping mengelakkan konflik. Maksim kedermawanan ditandai ungkapan sikap murah hati dalam memberikan bantuan, menawarkan bantuan,

mempelawa dan menolak bantuan atau tawaran dalam berkomunikasi. Penutur sanggup memaksimumkan kos diri sendiri dan meminimumkan keuntungan diri sendiri untuk menguntungkan orang lain.

Maksim sokongan ditandai kata sifat yang positif, iaitu kata pujian. Tindakan ini dapat memaksimumkan pujian terhadap orang lain dalam berkomunikasi dan ketiadaan pujian akan mengimplikasikan cacian. Teknik susunan tertib dalam maksim cara dan maksim kualiti wujud dalam peristiwa 2 dan 3 dalam Bab 5. Teknik susunan tertib menjadikan maklumat lebih kemas dan teratur manakala maksim kualiti pula ditandai maklumat yang memiliki fakta dan bukti agar sumbangan maklumat lebih diyakini dan dipercayai. Kehadiran maksim Grice dalam perbualan memanifestasikan budaya Melayu amat mengutamakan kejelasan, ketertiban, keberkesanan dan kesahihan dalam menyampaikan maklumat ketika berlangsungnya komunikasi.

Analisis yang dilakukan ini telah menunjukkan bahawa kajian tentang aspek kesopanan berdasarkan teori linguistik tertentu dalam bidang pragmatik memperlihatkan kesopanan dalam bahan Komsas, iaitu novel *Melunas Rindu*, walaupun pengarangnya mungkin tidak pernah terfikir tentang teori dan aplikasi teori kesopanan semasa menghasilkan karyanya. Novel *Melunas Rindu* didapati tidak mengesampingkan unsur sosiobudaya masyarakat yang dimanifestasikan oleh kehadiran maksim Leech (1983) dan Grice (1975) yang dipaparkan melalui peristiwa komunikasi yang bukan sahaja memperlihatkan kesopanan berbahasa malahan mencerminkan kerjasama sekali gus meningkatkan kesopanan dan keberkesanan maklumat dalam berkomunikasi.

NOTA

1. Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dinyatakan dengan jelas bahawa matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pelajaran Malaysia : iii)
2. Novel *Melunas Rindu* mula digunakan oleh para pelajar Zon 4 (Johor, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai tahun 2010 bagi menggantikan novel *Terminal Tiga* (2000-2009) karya Othman Puteh khusus bagi para murid Tingkatan 4. Murid Tingkatan 5 menggunakan novel *Kabus di Perbukitan*.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1996. *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P. & Levinson, S.C., 1987. *Politeness Some Universals in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fauziah Ahmad, Zalina Mohd Lazim dan Kalthum Ibrahim, "Komsas: Penguasaan, Konflik dan Harapan Pelajar" dlm. *Jurnal Linguistik* 10:1, hlm. 118-36, 2010.
- Grice, H.P, 1975. "Logic and Conversations" dlm. Cole, P., & Morgan (ed.). *Syntax and Semantic: Speech Act*. New York: Academic Press.
- Hartini Hamzah, 2010. *Melunas Rindu*. Edisi Murid. Kuala Lumpur Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Indirawati Zahid. "Bahasa Halus Paparan Kesantunan Melayu". *Dewan Bahasa*. hlm. 12-15, Mac 2010.
- Kamus Dewan*, 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001. *Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Melayu Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Leech, Geoffrey, 1983. *Principles of Pragmatics*. New York: Longman.
- Mohammad Bin Idris, 2000. "*Kesantunan Berbahasa dalam Perbualan Keluarga Melayu*". Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohd Yazid Bin Haji Kassim, 2005. "*Genre Drama dalam Teks Sastera: Kajian Kandungan Nilai*". Tesis kedoktoran. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood, 1993. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaludin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hatini binti Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar, 2011. "Unsur Eufemisme dalam Novel Papa dan Azfa Hanani" dlm. *Jurnal Bahasa* 12:1, hlm. 83-108, 2011.
- Nor Azian Ab. Aziz, 2005. "*Analisis Kesantunan Berbahasa: Satu Kajian Kes*". Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

- Norazlina Mohd Kiram. “Kesantunan Berbahasa Cerminan Peribadi Mulia”. *Dewan Bahasa* hlm. 59-61, Februari 2010.
- Noriati Abd. Rashid, 2013. *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tenas Effendy, 2011. *Kesantunan dan Semangat Melayu*. Pekanbaru Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Teo Kok Seong. “Kesantunan Berbahasa Kes Bahasa Melayu” dlm. *Dewan Bahasa*, hlm. 14-23, Mac 2003.
- Teo Kok Seong, 2012. “Kejayaan Komunikasi Cina-Melayu : Kes Cina Peranakan Kelantan yang Mengamalkan Kesantunan Bahasa Melayu” dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (ed.). *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. “Akhlak Mulia melalui Kesantunan Berbahasa” dlm. *Dewan Bahasa* hlm. 54-55, April 2009.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama, “Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah” dlm. *Jurnal Bahasa* 12:2, hlm. 321-28, 2011.

LAMPIRAN

Peristiwa 1: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kedermawanan

Pola Kombinasi Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan + Kedermawanan	Peristiwa
MR-B5(10)-Fu-H44-D1/11	Saya pinjam tadi, masa Ana tak ada . Ambil nama penerbit. Ambil nama penerbit?	Fuad hendak Membeli buku rujukan
MR-B5(10)-Fa-H44-D1/11	Nak buat apa?	
MR-B5(10)-Fu-H44-D2/11	Ingat nak cari buku tu di kedai.	
MR-B5(10)-Fa-H44-D2/11	Tak payah susah-susah beli, Fuad. Pakai sajalah buku saya tu.	
MR-B5(10)-Fu-H45-D3/11	Susah juga kalau kita sama-sama nak pakai serentak. Biarlah saya beli, senang saya nak buat ulang kaji di rumah.	

Peristiwa 2 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Sokongan + Persetujuan + Cara

Pola Kombinasi Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan + Kedermawanan	Peristiwa
MR-B5(10)-Fa-H45-D3/11	Tolong saya, Fuad. Tapi sebelum tu, duduklah dulu. Awak tu dahlah tinggi, berdiri pula. Sakit tengkuk saya.	Perbincangan program peningkatan kecemerlangan akademik
MR-B5(10)-Fu-H45-D4/11	Tolong apa tu?	
MR-B5(10)-Fa-H45-D4/11	Ini ha ... Saya ada mesyuarat tengah hari ni dan kena bentangkan beberapa program sebagai lanjutan daripada program yang dah sedia ada. Saya dah siap sebahagian. Itulah nak tanya awak, mana tahu awak ada idea nak tambah.	
MR-B5(10)-Fu-H45-D5/11	Hodohnya tulisan awak. (Spontan dia mengusik).	
MR-B5(10)-Fa-H45-D5/11	Pengajaran berkelompok berdasarkan keputusan ujian bulan Februari dah ada, penekanan pada aspek grammar dah ada, begitu juga dengan kelas bimbingan untuk budak-budak yang lemah dalam penulisan karangan. Apa lagi ya?.	

SARA BEDEN DAN INDIRAWATI ZAHID

Pola Kombinasi Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan + Kedermawanan	Peristiwa
MR-B5(10)-Fu-H46-D6/11	Apa kata kalau kita buat satu program yang mendidik murid secara individu. Maksud saya, kita pilih murid berdasarkan beberapa kriteria, kumpulkan mereka dalam lima hingga enam orang sekumpulan. Seorang cikgu akan bertanggungjawab untuk setiap kumpulan.	Perbincangan program peningkatan kecemerlangan akademik
MR-B5(10)-Fa-H46-D6/11	Macam program <i>mentor-mentee</i> , gitu?	
MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11	Gitulah lebih kurang. Tapi program ini khusus untuk Bahasa Inggeris saja. Memang nampak stereotaip, tapi saya percaya, yang menjadikan satu-satu program itu stereotaip adalah kerana perlaksanaan yang lemah. Saya percaya, kalau kita betul-betul melaksanakan program ini dengan cuba mencari masa membimbing murid secara individu, sedikit sebanyak akan ada kesannya. Banyak kelebihannya. Pertama, kita tahu apa penyakit seseorang murid itu. Kedua, kita boleh ajar mereka berdasarkan kelemahan mereka dan bukannya mengajar berdasarkan apa yang kita nak beri. Selama ini kita mungkin ajar secara umum, sedangkan ada murid yang lemah grammar misalnya, atau grammarnya dah bagus, tapi kurang perbendaharaan kata pula. Yalah, saya tahu, masalah tentu ada. Yang pastinya kita tak cukup cikgu. Lagi satu bila masanya kita nak jumpa budak-budak tu kerana jadual mereka penuh dan kita pula tak boleh ambil masa cikgu lain. Kalau Ana benarkan, saya ambil tiga kumpulan. Saya akan buat jadual untuk mereka pada sebelah petang, selepas kelas lanjutan. Saya tak kisah balik lambat sikit tiap-tiap hari. Macam mana Ana, tak baguskah cadangan saya tu?	
MR-B5(10)-Fa-H44-D2/11	Eh bagus, bagus tu! Apa ... Apa agaknya nama yang Fuad nak beri kepada program ni? Apa-apa program, kita mesti ada nama.	
MR-B5(10)-Fu-H45-D3/11	Susah juga kalau kita sama-sama nak pakai serentak. Biarlah saya beli, senang saya nak buat ulang kaji di rumah.	
MR-B5(10)-Fu-H49-D8/11	Hm ... Personal ... Personal Guidance. Ha ... Apa kata kalau kita beri nama, English <i>Personal Guidance</i> ?	
MR-B5(10)-Fa-H49-D8/11	Okey, cantik nama tu.	

Peristiwa 3 :Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan+Kualiti

Pola Kombinasi Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan + Kedermawanan	Peristiwa
MR-B5(10)-Fu-H49-D9/11	Ana ...Hari ni saya ada bawa barang sikit. Istimewa. Awak nak tak? Saya bawa jagung. Awak punya pasal, kalau nak, saya hantar sampai ke rumah.	Fuad membawa jagung ke sekolah
MR-B5(10)-Fa-H49-D9/11	Betul ke awak ni, Fuad?	
MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11	Eh, betul! Apa pula tak betulnya. Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi. Tak percaya, tanya Cikgu Abas. Tak percaya juga lagi, jom saya tunjuk dalam bonet kereta saya. Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya. Ha ... mana satu yang awak nak? Semua boleh. Yang penting, awak kena percaya saya memang tanam jagung.	
MR-B5(10)-Fa-H50-D10/11	Okeylah, saya percaya. Kalau awak memang nak bagi kepada saya, hai ... Dengan besar hati saya terima. Saya pun memang suka makan jagung.	
MR-B5(10)-Fu-H51-D11/11	Jangan lupa, balik nanti ambil jagung di kereta saya, okey? Kalau awak malu nak bawa balik, saya boleh hantar.	
MR-B5(10)-Fa-H51-D11/11	Alah, tak payah. Rumah saya dekat saja.	